

KONSEPTUAL KESUSILAAN DI MALAYSIA: SATU SOROTAN MENURUT PERSPEKTIF PERUNDANGAN

Mohd Azhar bin Abdullah ¹,

¹(Jabatan Al-Dakwah Wal Qiadah/ Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Malaysia)

ABSTRAK : *Penulisan ini menyoroti konseptual kesalahan kesusilaan yang diperuntukkan dalam sistem perundangan di Malaysia. Ia bertujuan mendapatkan interpretasi tentang sumber yang menunjangi konsep keluhuran kesusilaan dan sejauh mana ideologi kesusilaan dikembangkan dan dipraktikkan sebagai prinsip umum dalam perundangan negara Malaysia. Bagi mencapai tujuan tersebut, perbincangan ditumpukan kepada prinsip kesusilaan dalam Perlembagaan, Rukun Negara, undang-undang dan kehakiman serta. Perbincangan turut menyentuh secara umum beberapa peruntukan bagi dua jenis kesalahan kesusilaan, iaitu perlakuan kurang sopan dan kesalahan pakaian yang dikuatkuasakan di bawah dua bidang kuasa mahkamah di Malaysia, iaitu bidang kuasa kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri.*

KATA KUNCI : *Kesusilaan, Perundangan, Rukun Negara, Kesopanan.*

PENDAHULUAN

Secara umum¹ negara-negara di dunia ini,² termasuk negara-negara di Asia Tenggara mempunyai undang-undang yang mengawal tingkah laku kesusilaan di luar rumah, terutama di tempat kerja dan tempat-tempat awam. Namun dari sudut pelaksanaan undang-undang tersebut adalah berbeza

¹ Sebagai maklumat umum, penulis mengumpulkan beberapa kes kesusilaan yang dilaporkan oleh akhbar tempatan di beberapa negara. Di Winona, Minnesota, Amerika Syarikat seorang pemuda berumur 19 tahun disaman atas kesalahan mencarut di tempat awam di bawah undang-undang kerajaan tempatan yang digubal sejak tahun 1887 yang boleh dipenjara 90 hari dan kompaun sebanyak AS\$1000. (*Utusan Malaysia*, 13 September 2009). Khartoum, Sudan 13 wanita ditangkap kerana memakai seluar panjang yang dianggap suatu kesalahan kurang sopan. 10 wanita daripadanya membayar kompaun sebanyak AS\$200 dan disebat. Seorang daripadanya bernama Lubna Hussein hanya didenda dan terlepas daripada hukuman sebatan, manakala dua lagi wanita tidak mengaku bersalah dan mohon dibicarakan. (*Sinar Harian*, 8 September 2009). DUBAI, Seorang lelaki Britain, Anthony 34 tahun yang bekerja di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan singgah di Dubai ketika dalam perjalanan pulang ke London dihukum penjara dua bulan, selepas didapati bersalah berkelakuan kurang sopan menunjukkan isyarat lucah menggunakan jari hantunya kepada seorang pekerja wanita lapangan terbang di Abu Dabi, Dubai. (*Berita Harian*, 5 April 2010).

² Di Mesir terdapat satu peruntukan khusus perlakuan kurang sopan di tempat awam di bawah Seksyen 287, Kanun No. 10, Tahun 1961, Republik Mesir memperuntukkan;

كُلُّ مَنْ فَعَلَ عِلْمًا فَاضِحًا مُخَلًّا بِالْحَيَاءِ يُعَاقَبُ مُدَّةً لَا تَرْتَبِدُ عَلَى سَنَةٍ أَوْ بِعَرَامَةٍ لَا تَتَجَاوَزُ ثَلَاثَمِائَةَ حُنَيْهِ مِصْرِيٍّ

"Setiap perbuatan yang disifatkan perbuatan kurang sopan secara terang yang memalukan, dihukum penjara tidak melebihi tempoh satu tahun atau denda tidak melebihi tiga ratus junayh Mesir"

menurut dasar penubuhan sesebuah negara yang menentukan corak sistem kenegaraan.³ Di antara contoh peruntukan kesalahan kesusilaan di negara Asia Tenggara dapat dilihat di negara Thailand dalam seksyen 3, Undang-Undang Kesalahan Kecil Akta 388 yang memperuntukkan;

Sesiapa yang berkelakuan menjatuhkan maruah di hadapan atau kawasan khayalak umum seperti bertelanjang atau mendedahkan anggota tubuh badan atau melakukan semua bentuk perlakuan lucah yang lain. Jika disabitkan kesalahan denda tidak melebihi lima ratus bath.

Peruntukan seksyen 3 di atas merupakan peruntukan tunggal dan umum yang mengawal tata kesusilaan di Thailand. Peruntukan ini terpakai dalam semua keadaan dan di semua tempat awam atau di hadapan umum yang menjatuhkan maruah dan memalukan. Dengan itu, pihak-pihak pentadbiran yang melibatkan pengurusan awam seperti PBT yang mengawal taman-taman menerima pakai peruntukan seksyen 3 di atas secara menyeluruh. Hukuman melanggar kesusilaan atau berkelakuan kurang sopan hanya denda maksimum lima ratus bath sahaja tanpa ada hukuman penjara.⁴

Di Indonesia juga terdapat peruntukan umum yang mengawal kesalahan-kesalahan kesusilaan di bawah peruntukan melanggar kesusilaan dalam Seksyen 281, Bab XIV Bahagian Kejahatan Terhadap Kesusilaan, Kitab Undang-Undang Hukum Pidana memperuntukkan;

Diancam dengan pidana paling lama dua tahun dan lapan bulan atau denda paling banyak lima ratus rupiah;

(1) barangsiapa dengan sengaja dan terbuka melanggar kesusilaan,

(2) barangsiapa dengan sengaja dan di muka orang lain yang ada di situ bertentangan dengan kehendaknya, melanggar kesusilaan."

Manakala negeri Aceh adalah antara negeri yang terawal di Asia Tenggara yang menguatkuasakan undang-undang aurat awam secara jelas dan lengkap.⁵ Pasal 13, ayat (1) Qanun Provinsi Nanggroe Darussalam Nomor 11 Tahun 2002 memperuntukkan bahawa "*setiap orang Islam wajib berbusana Islami*". Qanun ini juga memberikan takrifan busana Islami iaitu;

³ Lihat. Abdul Malek A. al- Sayed, *Social Ethic of Islam*, (516 West 34th Street, New York. Vantage Press, Inc., 1982). (98).

⁴ Phichai Minthongkham *Rumusan Undang-Undang Sivil dan Jenayah*, (Bangkok: Athataya Co. Ltd, 1998). (16).

⁵ Pandangan penulis tersebut berdasarkan kajian di mana peruntukan-peruntukan pakaian yang berkuatkuasa negara Islam Asia Tenggara, khususnya di Malaysia hari ini adalah di premis yang khusus, bukan di tempat awam yang terbuka. Walaupun terdapat peruntukan terawal dalam Seksyen 71(1) Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991, namun peruntukan itu menyebut "berpakaian kurang sopan". Seksyen ini tidak memakai istilah aurat atau pakaian Islami serta tidak juga memberikan takrifan berpakaian sopan menurut syarak. Demikian juga dua peruntukan menutup aurat di negeri Kelantan; UUK Taman MPKB-BRI berkuatkuasa di permiss perniagaan sahaja dan arahan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1/1993, Peraturan Berpakaian Masa Bertugas Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan yang berkuatkuasa pada 1 Februari 1993 adalah bersifat khusus kepada penjawat awam ketika waktu pejabat sahaja.

Busana Islami adalah pakaian yang menutup aurat yang tidak tembus pandang dan tidak memperlihatkan bentuk badan.

Peruntukan pakaian menutup aurat di atas amat ringkas tetapi komprehensif dan memenuhi syarat-syarat menutup aurat menurut hukum syarak. Peruntukan di atas tidak mengkhususkan kepada gender tertentu di mana mencakupi ke atas wanita Islam dan juga lelaki Islam.⁶

Negara Brunei Darussalam telah menggariskan peraturan pakaian sopan dan menutup aurat ketika bekerja rasmi bagi pegawai dan kakitangan kerajaan seperti arahan yang dikeluarkan melalui Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bil. 8 / 1996 bertarikh 15 April 1996 yang menetapkan bahawa pegawai lelaki hendaklah berpakaian kemas dan sopan iaitu berseluar panjang, berbaju kemeja, atau berseluar panjang dan berbaju kemeja ala baju cara melayu, atau pakaian cara Melayu yang lengkap. Manakala pegawai-pegawai dan kakitangan wanita hendaklah berpakaian kemas dan sopan iaitu pakaian yang menutup aurat. Peraturan ini secara jelas menetapkan etika berpakaian pegawai-pegawai awam adalah pakaian sopan dan menutupi aurat yang hendaklah dipatuhi dalam perkhidmatan awam negara Brunei.

PENGERTIAN KESALAHAN KESUSILAAN

(a). Istilah Kesalahan

Perkataan "kesalahan" adalah kata nama apitan yang bermaksud perihal salah atau perbuatan salah, kesilapan, dianggap salah dan mendapat salah. Seseorang yang berbuat sesuatu yang menyalahi hukum atau peraturan berbuat yang tidak patut, tidak mengikut adat, tidak bermoral atau tidak beretika dikatakan "bersalah".⁷

Maksud-maksud perkataan "kesalahan" menginterpertasikan sesuatu perbuatan itu dianggap salah kerana kelakuan yang bertentangan dengan suatu nilai yang dianggap murni yang masyarakat menghormatinya sebagai hukum dan aturan hidup. Dengan kata lain, pelanggaran norma-norma baik yang telah dijadikan etika kehidupan. Oleh kerana hal yang demikian, tidak timbul persoalan kompleks berkaitan kesesuaian pemakaian perkataan "kesalahan" dari sudut linguistik. Ini kerana maksud "kesalahan" mencakupi semua jenis kesalahan menyalahi pegangan akhlak atau moral sesebuah

⁶ Pasal 23 memperuntukkan hukuman takzir ke atas pesalah iaitu pengawasan dan peringatan terhadap pasal ini dititikberatkan pada upaya penyedaran, pembimbingan dan pembinaan. Hukuman takzir akan dijatuhkan kalau pelanggaran dilakukan secara berulang-ulang dan telah mendapat peringatan dari Wilayatul Hisbah, atau dilakukan secara mencolok sehingga bertentangan dengan kepatutan dan rasa kesopanan masyarakat. Penjatuhan takzir ini pun hendaknya dimulai dengan yang lebih ringan. Pasal 23, Qanun Provinsi Nanggroe Darussalam No. II Tahun 2002.

⁷ Kamus Dewan (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Keempat, 2007). (1371). Hassan Hamzah *Kamus Melayu Global* (Shah Alam: Piramid Perdana (M) Sdn. Bhd., cet. kedua, 1997). (988).

masyarakat sama ada berkaitan agama, adat, budaya, peraturan, kaedah, dan undang-undang, bahkan terhadap kesalahan berat dan kesalahan kecil.⁸

Manakala dari subjektif perundangan, kata "kesalahan" telah diberikan konotasi khusus iaitu jika dilakukan atau ditinggalkan sesuatu perbuatan tersebut adalah berlawanan dengan undang-undang. Ertinya, maksud "kesalahan" dalam pemakaian undang-undang hanya dikhususkan kepada apa yang dikanunkan oleh satu badan yang mempunyai kuasa dan tentunya mempunyai hukuman tertentu sebagai langkah-langkah pembalasan, pencegahan dan pemulihan.

Menurut kelaziman perundangan perkataan "kesalahan" sering kali ditukar ganti dengan perkataan "jenayah".⁹ Keadaan ini menimbulkan persoalan apakah kedua-dua perkataan merujuk kepada satu konteks atau sebaliknya. Kajian menunjukkan bahawa konteks pemakaian "kesalahan" dan "jenayah" berbeza, walaupun pada zahirnya nampak sinonim.¹⁰ "Kesalahan" secara umum merujuk kepada semua perbuatan yang menyalahi undang-undang sama ada berat atau kecil.

Hal ini berbeza dengan maksud "jenayah" yang lazim digunakan kepada kesalahan-kesalahan khusus, iaitu kesalahan-kesalahan berat seperti membunuh,¹¹ merogol¹² dan merompak.¹³ Manakala istilah "kesalahan" digunakan dalam konteks kesalahan-kesalahan kecil¹⁴ seperti kelakuan kurang sopan¹⁵ dan memujuk seseorang untuk tujuan pelacuran,¹⁶ di mana pelanggaran undang-undang yang mengakibatkan kesan-kesan tidak ketara kepada masyarakat.¹⁷

Kelaziman konteks antara "kesalahan" dan "jenayah" diungkapkan "setiap jenayah adalah dianggap satu kesalahan". Menurut teori ini, "kesalahan" adalah umum dan "jenayah" bersifat khusus.¹⁸ Ini kerana, sesuatu kesalahan tidak semestinya secara automatik dianggap suatu jenayah, tetapi setiap jenayah mestilah disifatkan suatu kesalahan.¹⁹

(b). Istilah Kesusilaan

⁸ *Ibid.*

⁹ Mohammad Shariff bin Abu Samad (Dato') dan Asidah binti Mohd Ali (Datin), *Undang-Undang Jenayah di Malaysia*, (Petaling Jaya: International Law Book Services, 2009). (31)

¹⁰ Abdul Aziz Hussin *Undang-Undang Jenayah di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991). (3–5)

¹¹ Seksyen 300, Kanun Keseksaan (Akta 574)

¹² Seksyen 375, Kanun Keseksaan (Akta 574)

¹³ Seksyen 390, Kanun Keseksaan (Akta 574)

¹⁴ Abdul Aziz Hussin (1990), *Op.Cit.*, h. 102,

¹⁵ Seksyen 22, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973.

¹⁶ Seksyen 27(b) Akta Kesalahan Kecil 1955 (Akta 366)

¹⁷ Abdul Aziz Hussin (1991), *Op.Cit.*, h. 102

¹⁸ Mohammad Shariff bin Abu Samad (Dato') dan Asidah binti Mohd Ali (Datin), *Op.Cit.*, h. 31.

¹⁹ Hal ini diperkukuhkan dengan tafsiran pemakaian Kanun Keseksaan itu yang menamakan semua jenis keseksaan di dalam kanun tersebut sebagai "kesalahan" di mana "Enakmen ini hendaklah dinamakan Kanun Keseksaan. Seksaan bagi kesalahan yang dilakukan dalam Malaysia". Seksyen 1, Kanun Keseksaan.

Kesusilaan adalah kata nama apitan daripada perkataan "susila". Perkataan ini berasal daripada bahasa Sanskerta²⁰ yang diertikan sebagai baik budinya, beradab, sopan dan tertib.²¹ "Susila" juga disinonimkan dengan "akhlak" yang disamaertikan dengan budi perkerti, budi bahasa, adab, kesopanan, kesantunan, ketertiban, dan kesusilaan.²²

Profesor Emeritus Dr. Abdullah Hassan berpendapat tesaurus²³ "susila" merangkumi makna-makna sangat halus mencakupi adab, akhlak, betul, disiplin, hukum, istiadat, kebiasaan, kelakuan, lembaga, moral, normal, pekerti, peraturan, perilaku, tabiat, tatasusila, tertib, tingkah laku dan tradisi.²⁴ Sementara "kesusilaan" pula bermaksud perihal susila, berkaitan adab, kesopanan,²⁵ adat istiadat yang baik²⁶ atau keadaban, ilmu adab dan pengetahuan mengenai adab.²⁷

Dalam bahasa Inggeris "susila" diterjemahkan dengan perkataan *modest, decent, polite,*²⁸ *courteous.*²⁹ Sementara "kesusilaan" sinonim dengan perkataan *decency, morality, courtesy, politeness, etiquette.*³⁰

Dalam bahasa Arab, susila disamaertikan dengan banyak perkataan di antaranya ialah *latif* (لَطِيف), *karim* (كَرِيم) *kayyasah* (كَيَّاسَة), *ihthiram* (اِحْتِرَام), *muwafaqah* (مُوَافَقَة), *la'iq* (لَائِق), *muhazzab* (مُهَذَّب), *adab* (آدَاب), dan *hasan* (حَسَن). Manakala istilah kesusilaan diterjemahkan dalam bahasa Arab

²⁰ Bahasa ini dikatakan diguna sejak ribuan tahun di Nusantara bermula pada abad ke 4 Masihi. Lihat, http://id.wikipedia.org/wiki/Daftar_kata_serapan_dari_bahasa_Sanskerta_dalam_bahasa_Melayu_dan_bbahasa_Indonesia_modern. (akses: 30 Mac 2015).

²¹ Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), *Op.Cit.*, (1552). Hussain Sumodo (Dr.) *Kamus Panduan*, (Kuala Lumpur: Penlite Publications, 1981). (1032). Kamus Bahasa Melayu Nusantara (2003), *Op.Cit.*, (2639).

²² Teraurus Bahasa Melayu Dewan (2008), *Op.Cit.*, (944).

²³ Berasal perkataan Greek "thesaurus" yang bermaksud "gedung simpanan" atau "perbendaharaan". Maksud asal perkataan ialah "gedung ilmu pengetahuan". Kamus Webster mendefinisikan "satu buku istilah atau maklumat tentang sesuatu bidang perkara atau sekumpulan konsep atau lebih tepat kamus istilah sinonim" Dalam penggunaan moden telah disempitkan menjadi buku yang memberi sinonim bagi kata-kata yang wujud dalam sesuatu bahasa. Tesaurus menyenaraikan sinonim-sinonim dan peranan utamanya ialah membantu pengguna-penggunanya memilih kata yang paling sesuai dengan cepat dan mudah. Nur 'Aini bt. Abu Bakar *Tesaurus Linguistik Bahasa Melayu*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), (4). Prof. Madya Noor Ein Mohd Noor, *Tesaurus Bahasa Melayu*, (Singapura: Times Books International, 1992). (iii)

²⁴ Abdullah Hassan & Ainon Mohd *Tesaurus Bahasa Melayu*, (Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd, 2002). (301)

²⁵ Kamus Bahasa Melayu Nusantara (2003), *Op.Cit.*, (2639).

²⁶ Dr. Hussain Sumodo (1981, *Op.Cit.*, (1032).

²⁷ Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), *Op.Cit.*, (1552). *Kamus Am, Op.Cit.*, (1035).

²⁸ Dr. Hussain Sumodo (1981) *Op.Cit.*, (1032).

²⁹ Sulaiman Masri, *Kamus Utama Ejaan Baru dengan Daftar Kata Istilah*, (Petaling Jaya: Pustaka Zaman, 1973).(485). Awang Sudjai Harun dan Yusoff Khan (Drs.) *Kamus Lengkap*, (Petaling Jaya: Pustaka Zaman Sdn. Bhd., 1977). (1077).

³⁰ *Ibid.* A.S Horby dll. *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English*, (Edition, Walptom Street: Oxford University Press, 2000). (99, 88, 130, 225 & 263). Lihat, M. Hawkins *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar Inggeris Melayu- Melayu Inggeris*, (Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 2004). (86, 96, 131 & 256)

dengan beberapa perkataan seperti *nizam akhlaqiy* (نِظَامُ أَخْلَاقِيّ), *mabadi akhlaqiyyah* (مَبَادِي أَخْلَاقِيَّة), *adab al-mu'asyarah* (آدَابُ الْمَعَاشِرَةِ), *adab al-suluk* (آدَابُ السُّلُوكِ), dan *qawa'id suluk khassah* (قَوَاعِدُ سُلُوكٍ خَاصَّة).³¹

Berdasarkan padanan perkataan Melayu-Arab ini menunjukkan bahawa konsep kesusilaan dari perspektif Islam lebih mantap dan menyeluruh berbanding bahasa-bahasa lain. Ini kerana, Islam melihat istilah kesusilaan bukan sahaja dari aspek nilai ritual semata-mata seperti adab, hormat, mulia dan lemah lembut tetapi juga dari aspek sistem-sistem akhlak kaedah-kaedah akhlak, prinsip-prinsip akhlak dan adab-adab akhlak yang mengatur hubungan manusia dengan Tuhan, manusia sesama manusia dan manusia dengan alam secara bersepadu.

Antara keistimewaan perkataan "susila" ialah amat cocok digabungkan dengan perkataan "tata" membentuk kata nama mantap "tatasusila" yang memikul pengertian yang lebih spesifik iaitu aturan, kaedah yang biasa dipakai susunan acara adat sopan santun dan budi pekerti yang baik.³² Tatasusila atau juga disebut tatakrama³³ dalam konteksual ini menekankan sistem, kod dan kaedah yang sistematik dan diterima pakai umum sebagai garis panduan dalam sistem hidup.

Dengan huraian yang lebih mendalam, istilah kesusilaan merujuk kepada perihal kelakuan manusia yang bertertib, keadaban, kesopanan, bermoral dan berakhlak.³⁴ Konotasinya menampilkan suatu sistem tingkah laku manusia yang tersusun, terutama apabila dijalinkan dengan kalimah "tata" yang menjurus kepada sistem, kod dan kaedah budi pekerti, susunan adat kesopanan dan aturan akhlak yang rapi dan dipersetujui umum sebagai pegangan masyarakat.³⁵ Pengertian-pengertian tersebut menginterpretasikan kesusilaan suatu set budaya tingkah laku yang baik yang dihayati dan berkembang secara turun temurun dalam sesebuah masyarakat berdasarkan kepercayaan agama, bangsa dan adat yang kukuh sehingga terbentuk etika-etika kesusilaan bersistematik sama ada berupa ideologi, kod, peraturan dan undang-undang.

Walaupun secara umum "kesusilaan" adalah sama dengan istilah "kesopanan", namun kedua-dua istilah ini sedikit berbeza dari sudut penekanannya. Kesopanan adalah kata apitan daripada "sopan" yang bermaksud hormat, tatatertib, baik perangai dan kelakuan, tatasusila. Manakala 'Kesopanan' pula perihal sopan yang merujuk kepada tingkah laku dan tutur kata.³⁶ Justeru itu, konseptual "kesopanan" menekankan aspek-aspek nilai dalam tingkah laku, manakala "kesusilaan" menekankan sistem kepada

³¹ Lihat, Munir Ba'albakiy *al-Mawrid A Modern English–Arabic Dictionary*, (Beirut: Dar al-Ilm li Malayin, 2000). (225, 253, 321 & 529)

³² Kamus Bahasa Melayu Nusantara (2003), *Op.Cit.*, (2733).

³³ Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan (2002), *Op.Cit.*, (1903.) Kamus Besar Bahasa Indonesia (tt.), *Op.Cit.*, (1147).

³⁴ Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) *Op.Cit.*, (1552).

³⁵ Kamus Bahasa Melayu Nusantara (2003), *Op.Cit.*, (2733).

³⁶ Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), *Op.Cit.*, (1517).

tingkah laku berupa tatacara, kod, etika, peraturan yang mengawal perlakuan supaya terpandu dalam ketertiban, keadaban dan kesopanan.

(c). Istilah Kesusilaan Dari Sudut Perundangan

Penggunaan istilah "kesusilaan" diterima pakai secara meluas dalam sistem perundangan syariah dan sivil, terutama bagi mengelompokkan beberapa jenis kesalahan kecil sama ada dalam akta, undang-undang,³⁷ dan enakmen³⁸ yang disifatkan bertentangan dengan norma-norma moral yang memalukan menurut prinsip-prinsip agama, bangsa dan adat masyarakat nusantara.³⁹

Sebagai contoh, kesalahan-kesalahan jenayah syariah yang dikuatkuaskan di bawah enakmen jenayah syariah di semua negeri di Malaysia dikelompokkan kepada lima bahagian utama, iaitu (i). Kesalahan berhubung akidah seperti ajaran salah (ii). Kesalahan berhubung kesucian agama Islam seperti mempersenda ayat-ayat al-Quran. (iii). Kesalahan berhubung kesusilaan (iv). Kesalahan pelbagai seperti menggalak maksiat. (v). Kesalahan penyubahatan dan percubaan.

Umumnya, kesalahan kesusilaan tersebut mencakupi kesalahan-kesalahan seperti perlakuan kurang sopan, pondan, mukadimah zina, ibu atau bapa ayam, khalwat, tidak berpuasa bulan Ramadan dan solat Jumaat di luar mukim.

PRINSIP KESUSILAAN DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Perkataan "susila" digunakan secara meluas di alam Melayu, khususnya di negara Malaysia, Indonesia dan Brunei.⁴⁰ Kesusilaan bukan sahaja berkembang mantap dalam kebudayaan nusantara semata-mata, tetapi diimplementasikan sebagai ideologi-ideologi kenegaraan yang memandu sistem

³⁷ Lihat, Abdul Aziz Hussin *Undang-Undang Terhadap Kesalahan Diri*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990). (95).

³⁸ Lihat, Narizan Abdul Rahman, "Isu-isu semasa Bidang kuasa Syariah: Satu Sorotan Dalam Kes Jenayah Syariah (Liwat)", *Jurnal Syariah*, J. 7, Bil. 2, Julai 1999, h. 68. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Bahagian Pengajian Islam, Kuala Lumpur. Mahfodz Mohamed (Prof. Dr.), *Undang-Undang Islam di Mahkamah-Mahkamah Syariah di Malaysia*, "Kesalahan dan Pendakwaan Jenayah di Mahkamah Syariah Dari Aspek Hukum", h. 144, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Kuala Lumpur.

³⁹ Penulis tidak menafikan pengelompokan kesalahan jenayah syariah berkaitan kesalahan pondan, kurang sopan, aurat, khalwat, melacur dan liwat dengan "istilah kesusilaan" bukanlah suatu yang muktamad. Sesetengah sarjana memakai istilah "kesalahan akhlak" dan ada sebahagian yang memakai istilah "kesalahan seks". Lihat, Jasri Jamal "Kajian Terhadap Kanun Jenayah Syariah: Rujukan Khusus di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan", *Jurnal Undang-Undang*, vol. 1, h. 15, Januari-Jun 2002. Abdul Monir Yaacob "Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam di Mahkamah Syariah" *Jurnal Undang-Undang*, h. 17, vol. 5, Januari-Jun 2001.

⁴⁰ Kamus Bahasa Melayu Nusantara memuatkan kosa kata yang berasal dari ketiga-tiga buah negara iaitu Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia. Lihat, *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, (Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2003). (ix & 2639).

pentadbiran dan juga perundangan. Ini menunjukkan bahawa susila memiliki konseptual unik dalam kebudayaan orang-orang Melayu sejak turun temurun sehingga dijadikan salah satu prinsip dalam pedoman hidup hingga kini.

Sehubungan itu, konsep kesusilaan tidak boleh dilihat dalam kerangka tradisi kebudayaan yang sempit,⁴¹ tetapi suatu prinsip⁴² yang kukuh dan luas, menunjangi sistem kenegaraan mencakupi Perlembagaan, perundangan, kehakiman dan pentadbiran. Bagi membincangkan prinsip-prinsip kesusilaan tersebut penulis memecahkan kepada subtajuk di bawah.

Dalam dunia moden, Perlembagaan dianggap latar belakang dan rujukan tertinggi kepada sebuah negara.⁴³ Oleh itu, dalam meneliti perihal kenegaraan di Malaysia, terutama mencari asas-asas perundangan perlulah merujuk kepada Perlembagaan sebagai undang-undang induk dan tertinggi. Daripada penelitian, perkataan "susila" atau "kesusilaan" tidak termaktub dalam Perlembagaan secara harfiah. Namun prinsip, roh dan semangat kesusilaan itu dapat dijiwai dan diperkaitkan dengan jelas melalui peruntukan-peruntukan moral dalam Perlembagaan. Dengan maksud yang lain, kesusilaan merupakan salah satu konsep yang terumpun daripada konsep moral seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan secara menyeluruh. Umumnya, perkataan moral dalam Perlembagaan termaktub dalam dua perkara seperti mana di bawah;⁴⁴

- (i). Perkara 10(2) yang berkaitan kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuhkan persatuan iaitu;

(a) ke atas hak yang diberikan oleh perenggan (a) Fasal (1), apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau

⁴¹ Sesetengah golongan mutakhir ini berfikir sempit menganggap isu moral dan kesopanan sebagai perkara yang menyalahi adat ketimuran sahaja dan tidak ada kaitan langsung dengan undang-undang. Mereka mempertahankan soal moral adalah hak asasi. Menurut mereka, perbuatan maksiat seperti pergaulan bebas dan berpakaian menjolok mata adalah soal keperibadian yang orang itu sendirilah yang bertanggungjawab kepada Tuhan tentang dosa pahalanya seperti kata orang Melayu "kubur masing-masing". Lihat, Nasimah Hussin (Dr.) (2007). (1: 71-72)

⁴² Prinsip bermaksud asas atau dasar yang menjadi pokok kepada suatu pemikiran, kajian dan tindakan, atau hukum atau teori. Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) *Op.Cit.*, (1232).

⁴³ Dalam istilah Perlembagaan moden, terdapat dua makna lazim Perlembagaan iaitu memperihalkan keseluruhan sistem kerajaan sesebuah negara dan kedua, satu himpunan kaedah-kaedah yang menubuhkan dan mengawal atau menguasai kerajaan. Dengan maksud lain, perlembagaan adalah suatu pilihan kaedah undang-undang yang menguasai kerajaan negara dan yang termaktub dalam satu dokumen. Perlembagaan diwujudkan bertujuan menghadkan kerajaan supaya mentadbir mematuhi undang-undang dan peraturan. Lihat, K.C. Wheare *Perlembagaan Moden*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, terj. Azmi Khalid & Siti Ratnamala bt Saiful Nathan, 1993). (1, 2 & 133).

⁴⁴ Menurut Akta Bahasa Kebangsaan 1971 Lampiran E, perkara 6 yang dikuatkuasakan pada 1 September 1967 memperuntukkan bahawa semua Akta, Peraturan, Kaedah dan Perintah hendaklah dibuat dalam dua teks, iaitu Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dan bahawa teks dalam Bahasa Malaysia itu adalah sah melainkan jika selainnya ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong. Akta ini juga mempertunjukkan bahawa jika sesuatu undang-undang yang dikanunkan sebelum 1 September 1967 yang diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia maka Yang di-Pertuan Agong boleh menetapkan terjemahan itu sebagai sah. Hasyim Yeop A. Sani (Datuk), *Bagaimana Undang-Undang Kita Diperbuat*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980). (38 & 39)

mana-mana bahagiannya, hubungan baik dengan negara-negara lain, ketenteraman awam atau moral dan sekatan-sekatan yang bertujuan untuk melindungi keistimewaan Parlimen atau mana-mana Dewan Undangan atau untuk membuat peruntukan menentang penghinaan mahkamah, fitnah, atau pengapian apa-apa kesalahan;

(b) ke atas hak yang diberikan oleh perenggan (b) Fasal (1), apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam;

(c) ke atas hak yang diberikan oleh perenggan (c) Fasal (1), apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, ketenteraman awam atau moral.

(ii). perkara 11(5) berhubung kebebasan beragama iaitu;

Perkara ini tidaklah membenarkan apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang am yang berhubungan dengan ketenteraman awam, kesihatan awam atau prinsip moral.

Perkara 10(2) dan 11(5) Perlembagaan Persekutuan di atas secara jelas meletakkan prinsip moral sebagai suatu prinsip yang dijadikan pertimbangan dan ukuran tingkah laku seseorang; benar atau salah atau boleh dilakukan atau tidak dilakukan dalam negara ini. Perkara 10(2) memberikan kuasa kepada Parlimen membuat undang-undang yang boleh melucutkan hak kebebasan individu sekiranya sesuatu perbuatan itu boleh memberi kesan kepada moral masyarakat umum. Moral masyarakat umum adalah merujuk kepada kepercayaan umum masyarakat bahawa perbuatan tersebut boleh memberi kesan kepada orang lain.⁴⁵ Ini menunjukkan bahawa Perlembagaan telah meletakkan prinsip moral sebagai dasar memelihara kepentingan awam. Dengan maksud yang lain, seluruh tingkah laku dan kegiatan manusia dalam negara ini hendaklah berdasarkan pertimbangan dan keluhuran moral.

Dalam perkara 11(5) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kebebasan bercakap, berfikir, mengeluarkan pandangan, berhimpun secara aman dan tidak bersenjata dan menubuhkan persatuan kepada setiap warga negara, namun kebebasan tersebut adalah terbatas dalam ruang yang tidak menjejaskan kepentingan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, ketenteraman awam atau moral. Selain pertimbangan keselamatan negara dan negeri diambil kira dalam pertimbangan tingkah laku sosial di atas, prinsip-prinsip moral juga menjadi ukuran kepada tingkah laku rakyat.

Selain daripada perkara 10(2) dan 11(5) di atas, Perlembagaan Persekutuan juga ada memperuntukkan tentang kod moral yang perlu dijaga oleh hakim-hakim semasa dalam tempoh perkhidmatannya. Sekiranya ada hakim-hakim yang tidak mengikuti kod moral ini, maka mereka boleh dipecat daripada jawatannya.⁴⁶

⁴⁵ Black's Law Dictionary, *Op. Cit.*, (1025).

⁴⁶ Perkara 125(3), Perlembagaan Persekutuan.

Kewujudan perkataan moral dalam Perlembagaan boleh dianggap sebagai satu pengiktirafan perundangan tertinggi terhadap kepentingan dan peranan moral dalam negara ini. Oleh hal yang demikian, mana-mana konsep yang berhubung kait dengan konsep moral secara langsung atau tidak langsung seperti kesopanan dan kesusilaan adalah mengambil tempat daripada konsep moral Perlembagaan yang tetap memiliki keluhuran dan kedaulatannya. Keadaan ini sebenarnya telah menyediakan suatu kerangka yang luas bagi pelaksanaan konsep moral secara menyeluruh di negara ini. Perlembagaan telah mengurniakan kuasa secara jelas untuk pelaksanaan moral. Tinggal lagi sejauh mana keupayaan, kesungguhan dan kebijaksanaan pihak-pihak terbabit mengenal pasti ruang-ruang tersebut dan memanfaatkannya.⁴⁷

PRINSIP KESUSILAAN DALAM RUKUN NEGARA

Kesusilaan sering kali dikaitkan dengan sistem tingkah laku atau sahsiah manusia berdasarkan keluhuran moral. Ia terbentuk daripada prinsip-prinsip luhur menurut sumber keagamaan, budaya dan adat.⁴⁸ Ketinggian nilai kesopanan dan kesusilaan dalam masyarakat Malaysia telah sekian lama berakar sehingga diangkat dalam Rukun Negara⁴⁹ yang disifatkan sebagai ideologi kebangsaan.

Rukun Negara diistiharkan oleh Yang Di Pertuan Agong pada 31 Ogos 1970. Keputusan membentuk ideologi kebangsaan ini tercetus selepas beberapa bulan selepas tragedi 13 Mei 1969. Konflik kaum ini telah menjejaskan keyakinan rakyat terhadap hubungan kaum. Setelah melewati beberapa peringkat perbincangan, Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) mengarahkan sebuah Jawantankuasa Khas untuk menggubal satu set "peraturan" yang boleh memandu rakyat negara ini menjalankan tugas masing-masing dengan penuh tanggungjawab. Dalam keadaan yang sama rakyat memiliki semangat patriotik yang tinggi. Hasil penyelidikan oleh Majlis Perundangan Negara (MPN) mendapati bahawa masyarakat Malaysia masih terpisah kerana faktor keturunan, agama dan pekerjaan. Bagi mewujudkan sebuah negara yang bersatu padu, adil, liberal dan progresif maka pembentukan satu ideologi negara perlu diwujudkan. Berdasarkan kesedaran ini dan idea-idea yang dibincangkan dalam MPN, Rukun Negara dicipta.

Tujuannya adalah merujuk kepada luhur-luhur dalam dasar pemerintahan untuk dijadikan panduan dan tindakan rakyat, satu susunan cara hidup bermasyarakat yang mengandungi nilai-nilai kenegaraan dan norma-norma sosial meliputi semua aspek kehidupan bernegara.⁵⁰

47 Temuramah: Syamrahayu binti Ab. Aziz (Dr.), di pejabat Jabatan Undang-undang Fakulti Ahmad Ibrahim Universiti Islam Antarabangsa (UIA) pada 6 Mac 2010.

48 Temuramah: Datuk Prof. Dr. Zainal bin Kling, di pejabat Kursi Tun Abd Ghaffar Baba, Universiti Pendidikan Sultan Idris pada 5 April 2010.

49 Nazaruddin Hj. Mohd Ali & 3 Pengarang Lagi Pengajian Malaysia: Kenegaraan dan Kewarganegaraan, (Petaling Jaya, Selangor: Prentice Hall, edisi kedua 2005). (251). Asnarulkhandi Abu Samah Kenegaraan Malaysia, (Serdang: Universiti Putra Malaysia, 1997). (203 & 204)

⁵⁰ *Ibid.* Mansor Mohd Noor & 2 pengarang lagi, *Hubungan Etnik di Malaysia*, (Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd, 2006). (185).

Chamil Wariya menyifatkan bahawa Rukun Negara adalah penegasan semula prinsip-prinsip yang terkandung dalam Perlembagaan.⁵¹ Dengan itu, kesemua lima prinsip Rukun Negara⁵² adalah suatu rumusan padat daripada inti pati Perlembagaan yang diolah semula menjadi ideologi negara. Sehubungan itu, prinsip terakhir; kesopanan dan kesusilaan adalah olahan ringkas daripada keseluruhan prinsip moral dalam Perlembagaan. Prof. Dr. Abdul Aziz Bari menegaskan bahawa;⁵³

Prinsip kesopanan dan kesusilaan ini hendaklah dilihat sebagai terjemahan daripada prinsip-prinsip moral dalam Perlembagaan Persekutuan. Walaupun hubungan itu tidak kelihatan secara jelas namun kesopanan dan kesusilaan adalah menepati kehendak moral dalam Perlembagaan yang tersusun daripada elemen-elemen yang jelas iaitu keagamaan, sistem perajaan, perundangan dan perlembagaan.

Berdasarkan pandangan di atas, terdapat dua rumusan penting iaitu istilah kesusilaan adalah terbitan daripada istilah moral dalam Perlembagaan dan kesusilaan mempunyai kedudukan dan pengaruh yang tersendiri dalam Perlembagaan. Berdasarkan rumusan di atas konsep kesusilaan hendaklah ditafsir menurut konsep moral seperti mana yang diperuntukkan kedudukannya dalam Perlembagaan yang meletakkan prinsip-prinsip moral antara sumber-sumber asas kepada pertimbangan perundangan, sekaligus mengangkat nilai-nilai moral sebagai asas kenegaraan.

Prinsip kesopanan dan kesusilaan dalam Rukun Negara disusun bertujuan mengawal perkembangan personaliti dan tingkah laku seseorang rakyat.⁵⁴ Di samping itu, ia bertujuan memupuk sahsiah mulia agar setiap rakyat bersopan iaitu beradab, bermaruah serta tertib dan bersusila yang bermaksud berakhlak dan berhemah mulia.⁵⁵

Prof. Emeritus Dr. Abdullah Hassan menjelaskan bahawa istilah kesopanan dan kesusilaan dalam Rukun Negara mempunyai dua maksud tersendiri yang saling kukuh memperkukuh. Maksud kesopanan sering dirujuk kepada kehalusan tingkah perlakuan itu sendiri yang beradab. Kesopanan lazimnya dalam bentuk amalan adab. Manakala kesusilaan merujuk kepada tata kehidupan atau sistem tingkah laku yang tersusun atau kod perlakuan yang beradab. Hal ini membuktikan bahawa terkumpul sejumlah nilai-nilai murni dalam keperibadian masyarakat Malaysia dan mereka mengangkat nilai-nilai tersebut sebagai peraturan hidup bermasyarakat yang dihormati, atau apa yang diistilahkan sebagai kesopanan dan kesusilaan.⁵⁶

⁵¹ Chamil Wariya *Malaysia: 50 Fakta Asas Kenegaraan*, (Kuala Lumpur: Media Global Matrix Sdn. Bhd., (2007). (302)

⁵² Lima prinsip Rukun Negara secara urutan ialah Percaya kepada Tuhan, Kesetiaan Pada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang dan Kesopanan dan Kesusilaan.

⁵³ Temuramah: Abdul Aziz Bari (Prof. Dr.), pejabat Jabatan Undang-undang Fakulti Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa (UIA) pada 6 Mac 2010.

⁵⁴ Asnarulkhanda Abu Samah (1997), *Op.Cit.*, (207).

⁵⁵ Nazaruddin Hj. Mohd Ali & 3 Pengarang Lagi (2005), *Op.Cit.*, (260).

⁵⁶ Temuramah: Prof Emeritus Dr. Abdullah Hassan, Pengarah Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris di pejabatnya pada 5 April 2010.

Manakala Datuk Prof. Dr. Zainal Kling pula berpendapat kesopanan dan kesusilaan negara Malaysia berteraskan asas-asas yang jelas lagi kukuh bermula daripada semangat kepercayaan kepada agama, kesetiaan kepada raja dan tanah air, keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang. Oleh itu, masyarakat negara ini tidak boleh memahami istilah kesopanan dan kesusilaan itu secara terpisah-pisah daripada susunan kelima-lima prinsip Rukun Negara itu. Lima prinsip Rukun Negara itu ibarat "anak tangga", berurutan dan saling berkait. Berdasarkan ideologi Rukun Negara ini seluruh masyarakat Malaysia tanpa mengira kepercayaan agama, bangsa dan keturunan sama sekali tidak boleh menerima mana-mana tingkah laku yang bercanggah dengan prinsip agama, kesetiaan kepada raja dan negara, keluhuran Perlembagaan dan kedaulatan undang-undang.⁵⁷

PRINSIP KESUSILAAN DALAM UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Undang-undang dan moral suatu perkara yang mustahil untuk dipisahkan.⁵⁸ Dalam keadaan mana pun undang-undang sebenarnya berdiri di atas asas-asas moral sama ada secara langsung atau tidak langsung. Undang-undang sememangnya digubal bertujuan mengawal perilaku masyarakat agar bersesuaian dengan nilai dan norma yang dianuti.⁵⁹ Sebab itu dalam sesetengah ungkapan menyebut bahawa undang-undang adalah penguat kuasa moral.⁶⁰

Dalam sistem perundangan Malaysia amnya, pengaruh moral dalam undang-undang di Malaysia bukanlah sesuatu yang tidak wujud secara hakiki. Sebaliknya, undang-undang, moral dan agama saling berkaitan di dalam sistem perundangan Malaysia.⁶¹ Istilah moral dalam perundangan negara ini berkembang seiring dengan beberapa istilah lain, termasuk istilah kesopanan dan kesusilaan. Kenyataan ini dibuktikan dengan pemakaian tema kesopanan dan kesusilaan secara langsung dalam undang-undang sivil.

Dalam bahagian Bab XIV bermula dari seksyen 268 hingga 294 Kanun Keseksaan (Akta 574) mengkategorikan kesalahan-kesalahan tersebut kepada kesihatan, kemudahan, kesopanan dan moral awam. Daripada 27 kesalahan di bawah bahagian ini didapati 3 seksyen diistilahkan dengan kesopanan dan moral awam secara langsung. Seksyen 292 dan 293 adalah berkaitan bahan-bahan berunsur lucah sama ada seperti menjual, mengedar, menunjuk, menyewa, membuat, mengeluarkan dan mengambil bahagian dalam bahan-bahan berunsur lucah kepada awam. Manakala seksyen 294

⁵⁷ Zainal Kling (Datuk Prof. Dr.) *Op.Cit.*, temuramah.

⁵⁸ Mahmood Zuhdi Abdul Majid (Dato' Prof. Dr.), *Op.Cit.*, (19). Smith an Hogan (Butterwort: *Criminal Law*, Edition, 1973) (19).

⁵⁹ Siti Zubaidah Ismail (Dr.), "Dalihan "Keperluan" Dalam Undang-Undang Jenayah Islam dan Inggeris", *Jurnal Syariah*, Fakulti Syariah Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. j. 1, bil. 2, Julai 1993. (323).

⁶⁰ Noor Azizah Mohd Awal (Prof. Madya. Dr.), *Op.Cit.*, (3).

⁶¹ Shamrahayu binti A. Aziz (Dr.), *Morality and Ethics v Invasion of Privacy*, kertas kerja yang dibentangkan dalam Konferen Undang-Undang Malaysia ke-13 anjuran Majlis Peguam Malaysia pada 16-18 November 2005 di Kuala Lumpur.

berhubungan kesalahan perkataan lucah yang menimbulkan kegusaran awam sama ada melalui nyanyian, bercerita dan menyebut.

Selain daripada itu terdapat banyak lagi kesalahan berhubung moral kesusilaan seperti pelacuran,⁶² melakukan hubungan sesama kaum sejenis,⁶³ serta hubungan yang tidak normal seperti dengan binatang dan kanak-kanak,⁶⁴ menegah kontrak yang dianggap sebagai tidak bermoral atau melanggar polisi awam⁶⁵ dan perempuan yang berzina tidak layak mendapat nafkah daripada suaminya.⁶⁶ Malah, hidup dalam berzina juga satu perkara yang diistilahkan sebagai tidak bersusila dalam moral perundangan. Seperti mana diperuntukkan dalam seksyen 53 Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan & Perceraian) 1976 yang menyebut bahawa mahkamah boleh mengambil kira bahawa responden telah berzina sebagai satu faktor yang tidak boleh ditolak ansur dan merupakan satu alasan untuk penceraian. Begitu juga prosedur kanun keseksaan juga menjaga kesusilaan di mana pemeriksaan badan untuk wanita hanya boleh dilakukan oleh pegawai wanita sahaja.⁶⁷

Manakala konsep moral dan kesusilaan dalam enakmen-enakmen kanun kesalahan jenayah syariah di seluruh negeri tidak dipertikaikan lagi kerana seluruh enakmen kanun syariah berteraskan hukum syarak yang dipecahkan kepada lima bahagian utama,⁶⁸ iaitu kesalahan yang berhubung dengan akidah, kesalahan yang berhubung dengan kesucian agama Islam, kesalahan berhubung kesusilaan, kesalahan pelbagai dan persubahatan dan percubaan. Daripada lima pembahagian jenis kesalahan dalam enakmen kesalahan jenayah syariah tersebut, diperuntukkan kesalahan-kesalahan daripada kumpulan kesusilaan. Di bawah bahagian kesalahan kesusilaan biasanya dikaitkan dengan kesalahan-kesalahan seperti perbuatan sumbang mahram, pelacuran, muncikari, persetubuhan luar nikah, perbuatan sebagai persediaan melakukan persetubuhan luar nikah, liwat, musahaqah, khalwat, pondan, perbuatan tidak sopan dan tidak menutup aurat.⁶⁹

⁶² Seksyen 22, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 (Akta 106). Lihat juga, Seksyen 27(b) Akta Kesalahan Kecil 1955 (Akta 366).

⁶³ Seksyen 376A dan 376B, Kanun Keseksaan (Akta 574).

⁶⁴ Seksyen 377 dan 377E, Kanun Keseksaan (Akta 574).

⁶⁵ Seksyen 24(e) Akta Kontrak.

⁶⁶ Seksyen 5(2) Akta Perempuan Bersuami dan Anak-anak (Nafkah) 1957.

⁶⁷ Seksyen 19(2), Prosedur Kanun Keseksaan.

⁶⁸ Lihat pembahagian kesalahan-kesalahan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Kelantan) 1985. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pulau Pinang) 1966. Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991. Akta 559 Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997. Enakmen Kesalahan Jenayah (Negeri Perlis) 1991. Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Kedah) 1988. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Selangor) No. 9, 1995.

⁶⁹ Pada umumnya kesalahan-kesalahan jenayah syariah di semua negeri di Malaysia adalah sama. Sebab itu, kebanyakan sarjana undang-undang jenayah syariah di Malaysia membahagikan kesalahan-kesalahan tersebut kepada lima bahagian utama seperti di atas. Lihat, Narizan Abdul Rahman, j. 7, bil. 2, Julai 1999, "Isu-isu semasa Bidangkuasa Syariah: Satu Sorotan Dalam Kes Jenayah Syariah (Liwat)", h. 68. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Bahagian Pengajian Islam, Kuala Lumpur. Mahfodz Mohamed (Prof. Dr.), *Undang-Undang Islam di Mahkamah-Mahkamah Syariah di*

Berdasarkan beberapa contoh yang dibentangkan secara ringkas di atas menunjukkan bahawa konsep kesusilaan diberikan perhatian serius dan ruang dalam undang-undang Malaysia. Ini disebabkan oleh istilah kesusilaan itu berakar daripada gagasan moral Perlembagaan yang memberikan ruang kepada pihak-pihak terbabit untuk mengawal moral kesusilaan dengan lebih menyeluruh.

PRINSIP KESUSILAAN DALAM UNDANG-UNDANG DAN KEHAKIMAN

Umumnya, sebagai sebuah negara yang mengamalkan undang-undang bertulis, adakalanya perkara berkaitan kesusilaan tidak mudah dilaksanakan sekiranya tidak terdapat peruntukan undang-undang yang khusus berkaitan kesusilaan. Dalam kata lain, mahkamah akan berfungsi mengenai perkara kesusilaan sekiranya wujud undang-undang tertentu berkaitan kesusilaan. Sekiranya tidak terdapat undang-undang yang mengkanunkan perlakuan yang bertentangan dengan kesusilaan, mahkamah di Malaysia mempunyai kuasa yang terbatas dalam membuat keputusan berkaitan perlakuan yang bertentangan dengan kesusilaan. Dalam memastikan undang-undang berkaitan kesusilaan ini dikuatkuasakan, badan kehakiman memainkan peranan penting dalam memelihara moral kesusilaan di dalam sesebuah masyarakat. Peranan mahkamah dalam aspek ini ialah untuk merealisasikan peruntukan undang-undang yang mengiktiraf kesalahan berkaitan kesusilaan. Mahkamah, dalam keadaan ini menjalankan fungsi asalnya, iaitu mentafsir undang-undang.⁷⁰

Terdapat dua kes membabitkan hak-hak berpakaian yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan. Kes pertama membabitkan hak berpakaian pegawai perkhidmatan awam semasa bertugas dilaporkan dalam kes *Halimatussaadiah lwn Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Malaysia dan seorang lagi*.⁷¹ Pada tahun 1986 Halimatussaadiah menerima surat pemecatannya sebagai kakitangan awam kerana berpurdah⁷² yang dikatakan menimbulkan masalah keselamatan. Halimatussaadiah memohon deklarasi terhadap defendan melalui mahkamah tinggi bahawa pemecatan tersebut menyalahi undang-undang dan surat pekeliling yang mengarahkannya tidak memakai purdah menyalahi hak Perlembagaan, perkara 11(1) kebebasan agama Islam.

Mahkamah memutuskan walaupun kebebasan beragama tetapi tertakluk kepada perkara 11(5) Perlembagaan yang melarang sebarang perbuatan yang membawa kekacauan dan menyentuh kesihatan dan moral awam. Mahkamah rujuk kepada pandangan Mufti Wilayah Persekutuan, Dato' Haji Abdul Kadir Talib bahawa berpurdah bukan wajib. Wanita hanya diwajibkan menutup aurat seluruh tubuh

Malaysia, "Kesalahan dan Pendakwaan Jenayah di Mahkamah Syariah Dari Aspek Hukum", Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Kuala Lumpur. (144)

⁷⁰ Shamrahayu Ab. Aziz (Dr.), *Op. Cit.*, temuramah.

⁷¹ [1994] 3 MLJ 61.

⁷² Kain atau tirai yang menutupi muka perempuan supaya tidak lihat wajahnya. Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), *Op.Cit.*, (1253).

kecuali muka dan tapak tangan dan kaki.⁷³ Mahkamah memutuskan plaintif gagal membuktikan berpurdah suatu tuntutan agama.⁷⁴

Kes kedua isu hak-hak berpakaian adalah membabitkan pakaian serban di sekolah di mana *Meor Atiqurrahman Ors. lwn Fatimah Sihi Abdullah & Ors.*⁷⁵ Isu ini berbangkit ekoran tindakan pihak Sekolah Kebangsaan Felda Serting Hilir Jempol, Negeri Sembilan pada tahun 1997 memecat tiga orang pelajarinya, iaitu Meor Atiqurrahman bin Ishak, Syed Abdullah Khaliq Aslamy bin Syed Ahmad Johari dan Syed Ahmad Syakur Dihya bin Syed Ahmad Johari kerana memakai serban ke sekolah atas alasan perbuatan tersebut bercanggah dengan cerai 3(i) peraturan sekolah tersebut yang menyebut bahawa "*semua murid dilarang memakai jubah, turban (serban), topi, keyatap dan purdah*". Kes ini dibicarakan di Mahkamah Tinggi Seremban dan pada awalnya dimenangi oleh pihak plaintif. Hakim Mahkamah Tinggi Seremban, Datuk Mohd Nor bin Abdulah berkata;⁷⁶

Ulaskan pertama saya mengenai Peraturan Pakaian Seragam Sekolah ini ialah peruntukan pakaian seluar pendek bagi murid lelaki dan pakaian "pinafore tunic" bagi murid perempuan di Sekolah Menengah adalah membelakangkan agama Islam di mana yang dahulu dikemudiankan dan yang kemudian didahulukan dan tidak selari dengan Perlembagaan Persekutuan. Murid lelaki dikehendaki memakai seluar pendek tetapi diberi pilihan memakai seluar panjang. Murid perempuan pula dikehendaki memakai "pinafore tunic" dan "blouse" (skirt bagi Tingkatan VI) tetapi diberi pilihan memakai baju kurung dan kain sarung atau tudung/mini telekung. Sepatutnya pakaian murid lelaki ialah seluar panjang dengan memberi pilihan memakai seluar pendek dan pakaian murid perempuan ialah baju kurung, kain sarung dan tudung/telekung dengan memberi pilihan memakai "pinafore tunic" dan "blouse" atau skirt. Dengan cara sedemikian peraturan pakaian seragam ini akan selari dengan Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan

Rayuan dibuat dan kes ini dibawa ke Mahkamah Tinggi Persekutuan dengan permohonan sivil No. 01–3–2005 (N). Mahkamah Persekutuan yang dianggotai tiga panel hakim; YAA Tan Sri Abdul Malek Ahmad, YAA Tan Sri Steve Shim Lip Kiong, dan YAA Dato' Abdul Hamid bin Hj. Mohamad

⁷³ Keputusan hakim dan juga pandangan mufti selaras dengan pandangan Mufti Mesir Jad al-Haqq 'Aliy al-Haqq ketika ditanya hukum suami memaksa isterinya memakai purdah yang menutupi muka ketika keluar rumah dan berkerja. Jawapan beliau ialah hukum wajib menutup aurat bagi wanita keluar rumah ialah seluruh tubuh kecuali wajah dan kedua-dua telapak tangan kecuali timbul fitnah yang lain. Maka tidak wajar suami memaksa atau mewajibkan ke atas isterinya menutup muka apabila tiada kerelaan hatinya. Lihat. *Fatawa al-Azhar* (tt.), Fatwa Mufti Mesir Jad al-Haqq 'Aliy al-Haqq, Mauqi' Wazirah ak-Awqaf al-Misriyyah, 22 Disember 1979 bersamaan 3 Safar 1400, Mesir.

⁷⁴ Sebelum itu terdapat beberapa kes lagi di mana mahkamah meminta pandangan mufti antaranya *Dalip Kaur lwn. Pegawai Polis Bukit Mertajam* ([1992] 1MLJ 1) berkaitan isu untuk menentukan sama ada seseorang itu terkeluar daripada Islam atau tidak. Mahkamah Tinggi Sivil telah merujuk kepada Jawatankuasa Syariah Negeri Pulau Pinang dan kes *Isa Abdul Rahman & Ors lwn. Majlis Agama Islam Pulau Pinang* ([1995] 10JH 222) mufti Pulau Pinang telah diminta oleh Mahkamah Sivil untuk memberikan pandangan terhadap keputusan Majlis Agama Islam Pulau Pinang merobohkan sebuah masjid lama yang terletak di atas sebuah tanah wakaf. Dalam kes ini pihak Majlis bercadang untuk membina sebuah bangunan lima tingkat di atas tapak tersebut. Tingkat satu hingga tiga akan digunakan sebagai pejabat Bank Islam dan baki dua tingkat lagi untuk masjid.

⁷⁵ [2005] 2 MLJ 25.

⁷⁶ (2000) 1 CLJ.

telah membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi Seremban dan memutuskan kes ini dimenangi oleh pihak Fatimah Sihi dan Kerajaan Malaysia. Hakim Dato' Abdul Hamid menyatakan;

..daripada apa yang dapat saya pastikan, al-Quran tidak menyebut mengenai pemakaian serban. Saya tahu bahawa Rasulullah s.'a.w memakai serban, tetapi baginda juga menunggang unta, membina rumahnya dan masjid daripada tanah liat dan berbumbungkan daun kurma dan menggosok gigi menggunakan sugi. Adakah itu bermakna bahawa menunggang unta itu satu amalan lebih alim daripada bergerak menaiki kapal terbang? Wajarkah dipilih bahan dan cara serupa yang digunakan oleh Rasulullah s.'a.w untuk membina rumah dan masjid seperti di zaman baginda? Soal yang sama ialah sama ada pemakaian serban oleh kanak-kanak lelaki sebaya usia perayu merupakan satu amalan dalam agama Islam. Islam bukan sekadar memakai serban dan berjanggut. Arab jahiliah, termasuk Abu Jahal, memakai serban

Dua keputusan mahkamah di atas menjelaskan sikap mahkamah yang tidak konsisten⁷⁷ dan tidak memberikan kebebasan mutlak kepada umat Islam berpakaian menurut agama Islam semata-mata. Walaupun memakai purdah bagi wanita adalah sunat, malah dalam sesetengah keadaan menjadi wajib⁷⁸ dan memakai serban adalah *sunnah*⁷⁹ menurut hukum syarak, namun pakaian tersebut tidak diizinkan dalam waktu-waktu dan kawasan-kawasan khusus seperti seorang kakitangan awam sewaktu bertugas dan seorang pelajar ketika di sekolah.

Manakala kes perlakuan kurang sopan hanya terdapat satu kes sahaja, iaitu kes *Ooi Kean Thong lwn Pendakwaraya DBKL*.⁸⁰ Ooi Kean Thong dan pasangannya Soi Ah Wei telah disaman di bawah seksyen 8(1) UUK Taman Wilayah Persekutuan 1981 kerana didapati berkelakuan kurang sopan iaitu berpeluk dan bercium di taman Kuala Lumpur City Centre.⁸¹ Mereka mendakwa bahawa perkataan perlakuan kurang sopan tidak terdapat dalam peruntukan seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan yang menyebabkan kebebasan individu mereka dalam perkara 5(1) Perlembagaan telah dinafikan. Oleh itu perbuatan berpeluk dan bercium tidak wajar dihalang kerana perbuatan itu menggambarkan kasih cinta.

⁷⁷ Hakim menegaskan bahawa kes *Halimatussaadiah binti Kamaruddin lwn Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Malaysia*, [1994] 3 MLJ 61 tidak relevan dengan kes yang dibangkitkan di sini. Ini kerana, kes Halimatussaadiah adalah kerana beliau berpurdah menyukarkan untuk dikenali pasti dan boleh menjejaskan keselamatan. Manakala seorang yang berserban boleh dicam dan tidak menjejaskan keselamatan. Lihat, h. 394, (2000) 1 CLJ.

⁷⁸ Dalam mazhab al-Syafi'i'y menutup muka dan kedua-dua tangan ketika keluar rumah adalah wajib dan haram dibuka kecuali dalam keadaan darurat. Qalyubiy dan 'Umayrah *Qalyubiy dan 'Umayrah 'ala Syarh al-Mahhaliy*, (Kaherah: Dar 'Ihya' al-Kutub al-'Arabiah, tt.) (1: 177). Abu Bakr al-Dimyatiy, *T'annah al-Talibin*, (Thailand: Maktabah Muhammad al-Hadiy wa Awladih, tt.) (1: 113).

⁷⁹ Terdapat banyak hadith meriwayatkan kelebihan memakai serban di mana Rasulullah s.a.w sekali-sekali tidak pernah menanggalkan serbannya sama ada dalam keadaan aman atau perang, musafir atau tidak kecuali ketika berharam. Antara kelebihan serban Rasulullah s.'a.w bersabda maksudnya; "Perbezaan antara kami (umat Islam) dengan orang-orang musyrik ialah memakai serban dengan kopiah" –*Sunan al-Tirmidhi*: 1784. *Al-Mustadrak*: 5903. Dalam riwayat yang lain; "Pakailah oleh kamu serban nescaya ia menambah kesantunan" – *al-Mu'jam al-Kabir*: 517.

⁸⁰ Rujukan Jenayah No.06-2-2005(W), Mahkamah Persekutuan Putra Jaya.

⁸¹ Perbincang terperinci berhubung fakta-fakta kes akan dibincang dalam bab keempat pada subtajuk Bidang Kuasa Pihak Berkuasa Tempatan dalam Undang-undang Kesusilaan.

Walaupun mahkamah mengakui bahawa persoalan menentukan takrifan "berkelakuan dengan cara kurang sopan" bukan isu yang dibangkitkan utama dalam kes ini⁸² tetapi mahkamah memberikan pandangan bahawa "berkelakuan dengan cara kurang sopan" bergantung kepada keadaan yang lazimnya, tempat dan atau tempoh masa. Ia adalah persoalan fakta yang mesti ditentukan oleh orang mencari kebenaran. Hanya sebagai contoh jika segelintir pengguna taman pihak berkuasa tempatan menyanyi dengan kuat pada waktu pertengahan malam sehingga mengganggu tidur penghuni-penghuninya atau menanggalkan pakaian di hadapan anak-anak kecil yang sedang bermain di taman atau kanak-kanak bermain sejenis permainan yang boleh mendedahkan penduduk kepada bahaya, maka sudah tentu aktiviti ini tidak selaras dengan tanggungjawab pihak berkuasa tempatan untuk memelihara kesejahteraan taman. Walaupun perkataan "berpeluk atau bercium" tidak tertulis dalam peruntukan tersebut tetapi perkataan "berkelakuan dengan cara kurang sopan" adalah jelas. Namun, sejauh mana maksud berpeluk dan bercium itu termasuk dalam maksud "berkelakuan dengan cara kurang sopan" bukanlah isu yang dibangkitkan dan mahkamah tidak mempertimbangkan secara spesifik dalam keputusan kes ini.

Berdasarkan catatan penghakiman dalam kes di atas memperlihatkan kebijaksanaan hakim mengambil kesempatan untuk memberikan pandangannya berhubung maksud berkelakuan kurang sopan walaupun ia bukan perkara utama yang dibangkitkan. Persoalan tersebut adalah persoalan fakta kepada orang mencari kebenaran dan sesuatu perlakuan itu sopan atau tidak adalah merujuk kepada kelaziman tempat dan masa. Seperti yang dimaklumi bahawa kelaziman di negara ini adalah merujuk kepada norma-norma moral yang berdasarkan kepercayaan agama dan adat resam.

Di samping itu dalam negara Malaysia yang meletakkan prinsip kesusilaan sebagai ideologi negara dalam Rukun Negara dan prinsip moral dalam Perlembagaan, maka mahkamah perlu juga mengambil kira kedudukan dan pengaruh tersebut dalam pertimbangan kehakiman secara bijaksana. Prof. Dr. Abdul Aziz Bari menyarankan bahawa walaupun prinsip-prinsip Rukun Negara ini tidak mengikat mahkamah dalam membuat sebarang keputusan, tetapi ia diiktiraf dan mempunyai kesan yang tersendiri dalam beberapa kes yang diputuskan oleh mahkamah. Kita boleh mengambil beberapa contoh yang menyentuh tentang undang-undang dan moral di Malaysia.⁸³

Dalam kes *The Ritz Hotel Casino Ltd & Anor lwn Datuk Seri Osu Hj Sukam*⁸⁴ mahkamah mengambil kira kedudukan prinsip Rukun Negara di dalam sistem kehidupan masyarakat Malaysia dan seterusnya menolak permohonan untuk melaksanakan penghakiman ke atas seorang penjudi kerana perlakuan judi adalah bertentangan dengan prinsip kesusilaan Rukun Negara yang menjadi teras

⁸² Isu utama yang dibangkitkan ialah apakah seksyen 8(1) UUK Taman wilayah Persekutuan 1981 *ultra vires* dengan seksyen 102 akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Perkara 5(1) Perlembagaan.

⁸³ Abdul Aziz Bari (Prof. Dr.), *Op. Cit.*, temuramah.

⁸⁴ NO: K24-105-2004, Mahkamah Tinggi Sarawak & Kota Kinabalu.

kepada sistem masyarakat Malaysia. Begitu juga prinsip kesusilaan Rukun Negara dijadikan asas pertimbangan kehakiman berhubung kesalahan rasuah dalam kes *Jupiters Ltd. lwn Lim Kin*⁸⁵ *Tong, Ng Khang Kee lwn PP (BPR)*⁸⁶ dan *Ng Kok Jooi lwn Public Prosecutor*⁸⁷ di mana mahkamah memutuskan bahawa amalan rasuah bercanggah dengan prinsip kesusilaan Rukun Negara.

Berdasarkan fakta kehakiman kes-kes di atas boleh memperkukuhkan doktrin "duluhan kehakiman mengikat"⁸⁸ bahawa kesalahan kesopanan dan kesusilaan hendaklah dipertimbangkan dalam kerangka moral yang terikat dengan prinsip-prinsip agama dan keluhuran adat masyarakat Malaysia. Keputusan hakim bukan sahaja melihat kepada peruntukan undang-undang bertulis semata-mata, tetapi hakim memainkan peranan memperjelaskan kekeliruan dan pertikaian dalam isu kawal kesusilaan berdasarkan prinsip-prinsip, roh-roh dan semangat-semangat yang tersurat atau tersirat dalam undang-undang.

TAFSIRAN KESUSILAAN MENURUT PERLEMBAGAAN DAN UNDANG-UNDANG

Dalam sistem pentadbiran Islam, perlembagaan, undang-undang dan agama saling berkait di antara satu sama lain.⁸⁹ Seperti yang dijelaskan sebelumnya bahawa kesusilaan dalam konteks perundangan adalah terbitan daripada istilah moral dalam Perlembagaan. Berdasarkan kedudukan ini, tafsiran peruntukan kesusilaan di negara ini hendaklah diselaraskan berdasarkan prinsip-prinsip moral Perlembagaan menurut takat kuasa yang diperturunkan kepadanya sama ada menurut konteks, roh dan prinsip.⁹⁰

Daripada kuasa-kuasa Perlembagaan bahawa tafsiran moral kesusilaan boleh diselaraskan dengan maksud agama Islam sebagai agama persekutuan di samping kebebasan agama-agama lain.⁹¹ Walaupun kedudukan agama Islam dalam persekutuan adalah terhad dan tidak boleh mengatasi mana-

⁸⁵ [2006] 5 CLJ 277.

⁸⁶ [2010] 1LNS 273.

⁸⁷ [1974] 1 LNS 105.

⁸⁸ Sistem keadilan dan perundangan Malaysia menerima pakai doktrin "Duluhan kehakiman mengikat" yang diambil daripada sistem Inggeris. Negara Malaysia telah memansuhkan rayuan kes kepada Jawatankuasa kehakiman Majlis Privy pada 1 Januari 1985 melalui seksyen 17 Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983 (Akta A556) yang dikuatkuasakan melalui PU(B) 589/84. Lihat, Mohamad Shariff bin Hj. Abu Samah (Dato') & Asidah binti Hj. Mohd Ali (Datin) (2009), *Op. Cit.*, (43).

⁸⁹ Mahayudin Haji Yahya, Kamarudin Jaffar, "Gerakan Islam dan Perlembagaan Negara: Satu Tinjauan", *Islam dan Pembangunan Negara*, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, suntingan, 1986), (173).

⁹⁰ Perkara 4(1) Perlembagaan memperuntukkan "Perlembagaan ini adalah undang-undang utama bagi persekutuan dan apa-apa undang-undang lain yang diluluskan selepas hari merdeka yang berlawanan dengan Perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu".

⁹¹ Perkara 3(1), Perlembagaan Persekutuan.

mana peruntukan Perlembagaan yang lain,⁹² tetapi kedudukan ini sudah mencukupi untuk mengesahkan kuasa melaksanakan undang-undang kesusilaan berdasarkan prinsip-prinsip keagamaan.⁹³

Fakta kajian menunjukkan secara jelas bahawa negara Malaysia adalah sebuah negara beragama.⁹⁴ Menurut laporan bancian yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia tahun 2000,⁹⁵ 60.4% daripada jumlah 23.27 juta penduduk Malaysia mengamalkan agama Islam, 19.2% agama Buddha, 9.1% agama Kristian, 6.3% agama Hindu, dan 2.6% agama Konfusianisme, Taoisme, dan kepercayaan-kepercayaan tradisi kaum Cina lain. Kumpulan agama minoriti lain termasuk animisme, Sikh dan Baha'i hanya 2.4%.⁹⁶ Bukan sekadar agama Islam menjadi anutan penduduk yang terbesar di negara ini, malah 98% penduduk negara ini berpegang kepada agama. Oleh hal yang demikian, kedudukan agama Islam dalam Perlembagaan adalah satu isu yang sangat penting, terutamanya kerana isu ini berkait rapat dengan kepercayaan dan iktikad majoriti penduduk Tanah Melayu dan Malaysia.⁹⁷ Isu ini juga begitu sensitif kerana bagi orang Melayu agama tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan harian mereka.⁹⁸

Dr. Syamrahayu binti Ab. Aziz menegaskan bahawa tafsiran moral di Malaysia hendaklah berpegang kepada dasar-dasar agama. Kedudukan agama ini sangat jelas dari sudut perundangannya walaupun tafsiran mengenainya masih diperdebatkan. Namun pada asasnya semua agama telah memberikan persetujuan dan keutamaan kepada agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan.⁹⁹ Sementelah daripada penelitian fakta-fakta yang terkumpul membuktikan bahawa konsep moral hanya

⁹² Mahmud Saedon Awang Othman (Prof. Madya Dr.), "Ke arah Mempertingkatkan Mahkamah Syariah", Dalam: *Ke Arah Islamisasi Undang-Undang Di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1988). (36),

⁹³ Shamrahayu A. Aziz, *Morality and Ethics v Invasion of Privacy*, *Op.Cit.*, (7).

⁹⁴ *Demografi Agama*, Jabatan Perangkaan Malaysia Tahun 2000.

⁹⁵ Penulis memakai data bancian 2000 kerana data lengkap 2010 berkaitan agama kemungkinan akan diterbitkan di penghujung tahun 2011. Puan Rohani binti Muhammad, *Op.Cit.*, temuramah.

⁹⁶ *Banci Penduduk Perumahan Malaysia : Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografi*, Jabatan Perangkaan Malaysia, Julai 2001. (xiii),

⁹⁷ *Kes Roberts lwn Ummi Kalthom* (1966) 1 MLJ 163 Mahkamah tinggi memutuskan harta sepencarian adalah perkara adat Melayu yang harus dikenakan sebagai Adat Melayu di negeri-negeri Melayu. Sebenarnya adat jika tidak bertentangan dengan undang-undang Islam boleh dijadikan sumber undang-undang Islam dan apabila ia diikuti ia adalah menepati sebagai undang-undang Islam. Adat Melayu boleh diserap ke dalam undang-undang Islam dan seharusnya ada pertentangan antara undang-undang Islam dengan adat yang diikuti oleh orang Islam. Ahmad Ibrahim (Prof. Dr.) (1977), *Islam dan Kebudayaan Melayu*, "Kedudukan hukum Islam Dalam Masyarakat Melayu", (Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia). (147).

⁹⁸ Mahamad bin Arifin (Dr.) (1999), "Islam dalam Perlembagaan Persekutuan", *Perkembangan Undang-Undang dan Perlembagaan Persekutuan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, et. al.). (99).

⁹⁹ Antara contoh agama Islam perlu diutamakan ialah kes *Overseas Investment Pte. Ltd. lwn Anthony William O'Brien Anor* (1988) 3 MLJ 332. O'Brien memeluk Islam berhutang dengan syarikat plaintif, syarikat buat tuntutan bayar hutang dengan cara perintah tahan dan jual (*writ of seizure and sale*). Mahkamah perintah rampas harta termasuk perabot. O'Brien menuntut bahawa perabot tersebut milik bersama semasa perkahwinan. O'Brien berjaya buktikan melalui resit pembelian. Mahkamah memutuskan bahawa harta tersebut sebagai harta sepencarian.

terdapat dalam kepercayaan agama sahaja. Justeru itu, moral dan agama mustahil dipisahkan dalam mana-mana kedudukan pun.¹⁰⁰

Prof. Dr. Abdul Aziz Bari pula menegaskan perkara 3(1) Perlembagaan yang memperuntukkan agama Islam sebagai agama persekutuan dan kebebasan agama-agama lain telah mengesahkan bahawa negara ini adalah negara yang beragama bukan seperti negara sekular yang memisahkan agama. Oleh hal yang demikian, adalah suatu kenyataan bahawa konsep moral dalam Perlembagaan hendaklah ditafsir menurut prinsip-prinsip keagamaan, khususnya pengiktirafan agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan. Walaupun kedudukan Islam tidak berada dalam keseluruhan kerangka Perlembagaan tetapi roh, prinsip dan ruang untuk menyerap nilai-nilai Islam lebih dekat, luas dan mudah dalam Perlembagaan berbanding ideologi-ideologi lain atau kefahaman-kefahaman lain. Sehubungan itu, skop penafsiran moral dalam Perlembagaan itu adalah tidak wajar sama sekali untuk difahami di luar daripada nilai-nilai keagamaan yang dipegangi dalam kerangka Perlembagaan itu.¹⁰¹

Berdasarkan fakta di atas, peruntukan-peruntukan kesusilaan khususnya berkaitan pakaian dan perlakuan kurang sopan dalam mana-mana bentuk undang-undang di negara ini sama ada akta, undang-undang kecil, peraturan dan kaedah hendaklah diselaraskan dengan keutamaan agama Islam bagi orang-orang yang beragama Islam dan juga agama-agama lain bagi yang bukan beragama Islam.

KESIMPULAN

Kesusilaan merupakan salah satu cabang akhlak yang murni dan sehati dalam nadi masyarakat Nusantara. Prinsip kesusilaan telah diperkasa dan dimantapkan dalam bukan sahaja dalam kehidupan tetapi dikodifikasikan secara rasmi dalam ideologi kenegaraan mencakupi Perlembagaan, Perundangan dan pentadbiran.

Undang-undang yang mengawal kesalahan moral kesusilaan amat penting dalam memelihara kelangsungan nilai-nilai murni. Ia dilaksanakan melalui pelbagai kaedah perundangan meliputi akta, undang-undang kecil, peraturan dan syarat-syarat menurut tahap bidangkuasa pihak berkenaan. Hal ini bukan sahaja disebabkan konsep kesusilaan bertunjang dari fitrah keluhuran tingkah laku yang dipersetujui bersama oleh masyarakat negara Malaysia, tetapi juga kerana prinsip moral kesusilaan mempunyai kedudukannya yang tersendiri dalam roh Perlembagaan. Semangat Perlembagaan ini menyebabkan prinsip kesusilaan diberikan perhatian dan kedudukan tersendiri dalam pentadbiran, perundangan dan kehakiman.

¹⁰⁰ Shamrahayu binti Ab. Aziz (Dr.), *Op.Cit.*, temuramah.

¹⁰¹ Abdul Aziz Bari (Prof. Dr.), *Op.Cit.*, temuramah. Lihat juga. Zaini Nasohah (*et.al.*) *Syariah dan Undang-Undang: Suatu Perbandingan*, artikel: Abdul Aziz Bari, "Konsep Kebebasan Menurut Undang-Undang Perlembagaan Islam dan Sivil, (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. 2004). (33).

Berdasarkan prinsip kesusilaan yang disemai dalam ideologi negara dan diperundangan menyebabkan nilai-nilai akhlak yang murni seperti pakaian yang menjolok mata, pergaulan bebas, perlakuan kurang sopan dan khalwat masih terkawal di Malaysia.